

Calon dibenar kempen secara terbuka dalam pemilihan Umno
Malaysian Insider
Oct 7 , 2013
OLEH DIYANA IBRAHIM

Calon yang bertanding dalam pemilihan Umno Oktober ini boleh berkempen secara terbuka akan tetapi Lembaga Displin parti itu tidak akan sesekali melonggarkan tata etika yang ditetapkan kata Pemangku Pengerusi Lembaga Displin Umno, Tan Sri Megat Najmuddin Megat Khas (gambar).

Menurutnya tidak ada masalah bagi calon yang ingin memperkenalkan diri serta visi dan misi yang hendak mereka utarakan kepada para perwakilan.

"Peraturan dan garis panduan yang ditetapkan memang tidak boleh dilonggarkan namun kalau nak berkempen dengan cara memperkenalkan diri, bagi visi dan misi itu boleh," katanya dipetik daripada Utusan Malaysia.

Beliau mengulas kritikan terhadap tindakan jawatankuasa pemilihan parti meletakkan pelbagai peraturan kepada calon bertanding di peringkat bahagian dan pusat mengatakan sekiranya calon membawa perangai yang teruk maka ia akan menjadi kerugian kepada Umno.

"Tanggapan orang dan persepsi politik ini amat penting. Apa sahaja yang ahli dan pemimpin Umno buat, orang (rakyat) akan teliti kelakuan dan percakapan kita. Bukan senang nak dapat kepercayaan rakyat. Itu rasionalnya garis panduan dalam tata etika Umno," katanya.

Sebelum ini, calon Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Seri Mohamad Hasan menyifatkan sebahagian peraturan dalam pemilihan parti Melayu itu kali ini kurang bijak dan boleh membantutkan proses pemilihan.

Antara peraturan itu ialah calon tidak boleh berkempen secara bersendirian bagi bertemu dengan anggota akar umbi Umno dan memperkenalkan diri.

Menteri Besar Negeri Sembilan dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Sembilan itu berkata beliau tidak takut untuk mengkritik syarat berkempen pada pemilihan Umno kali ini yang disifatkannya agak ketat kerana sayangkan parti.

"Adakah Umno tidak boleh bersuara? Parti apa tidak boleh bersuara? Saya sayangkan parti," katanya.

Selain itu, Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin Abu Bakar turut mengkritik apabila menganggap syarat-syarat yang ditetapkan terlalu ketat dalam pemilihan menyebabkan gelanggang pertandingan menjadi tidak seimbang dan menguntungkan sebelah pihak sahaja.

Turut sependapat ialah calon Naib Presiden Umno, Datuk Mukhriz Mahathir yang mahukan syarat kempen dilonggarkan bagi memberi ruang kepada calon untuk bertemu perwakilan di peringkat akar umbi.

"Walaupun tidak dikenali tetapi ada sesuatu yang calon nak sumbang kepada parti. Kalau tidak takkan dia nak tampil menawarkan diri bertanding. Itu sebabnya saya rasa kalau bolehlah dibenarkan perjumpaan ini," kata Menteri Besar Kedah itu.

Seorang lagi calon MT, Datuk Azman Shah Omar Shah berkata calon baharu sepertinya perlu diberikan lebih ruang untuk bertemu perwakilan bagi menjelaskan matlamatnya untuk bertanding.

"Kalau menteri umpamanya semua orang kenal tetapi tidak orang seperti saya," katanya. – 7 Oktober, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/calon-dibenar-kempen-secara-terbuka-dalam-pemilihan-umno>